

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS  
(SEPANGGAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.03.2017**

**Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengubah kadar GST pada masa hadapan ; dan
- (b) berapakah kutipan GST setakat hari ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST yang pada masa ini ditetapkan pada kadar 6%. Kadar tersebut

ditetapkan setelah dibuat kajian yang terperinci untuk memastikan ianya adalah yang paling bersesuaian. Antara faktor lain yang juga telah diambil kira adalah seperti berikut:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan pada kadar umum 10% bagi barangan yang diimport dan dikilangkan dalam negara manakala cukai perkhidmatan pula pada kadar 6% bagi perkhidmatan tertentu;
- ii. komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu; dan
- iii. beban cukai ke atas pengguna.

Bagi memastikan Malaysia dapat meningkatkan daya saing ekonomi dalam jangka panjang, Kerajaan sangat prihatin tentang implikasi kos tambahan kepada segenap lapisan rakyat dan sektor perniagaan. Dengan itu penelitian secara berterusan dilaksanakan termasuklah membuat kajian perbandingan dengan amalan di negara lain bagi maksud menambah baik sistem GST yang sedia ada. Pendekatan yang diambil adalah untuk mengkaji daya saing Malaysia secara menyeluruh melibatkan juga layanan lain-lain cukai yang

dikenakan diperingkat Kerajaan Persekutuan termasuklah keperluan untuk mengkaji kadar cukai korporat dan individu.

b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Manakala bagi tahun 2016, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion.